

KESAN PEMBERIAN MAKANAN TERHADAP TUMBESARAN DAN  
KEMANDIRIAN LARVA DAN JUVENIL IKAN BAUNG (Triploid)  
*Mystus nemurus* (C. & V.)

WAN NORAINI BINTI ABDUL RAHMAN

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU  
TERENGGANU

2002

1100024404

ch 1119

LP 41 FST 1 2002



1100024404

Kesan pemberian makanan terhadap tumbesaran dan kemandirian larva dan juvenil ikan Baung (Triploid), *Mystus nemurus* (C. & V.) / Wan Noraini Abdul Rahman.



LP  
90  
FST  
8  
2002

**PERPUSTAKAAN**  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100024404	

**1100024404**  
PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

Pengarang **WAN NORAINI** No. Panggilan **LP 50 PST**

Judul **Kesan pemberian makanan terhadap tumbesaran** Nombor Ahli **2002** Tanda tangan **[Signature]**

Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan
12/04/02	9.55	6375	[Signature]
9/12/04	1.30	6372	[Signature]
13/12/04	1437	UK 6372	[Signature]

17/2/10

LP  
FST  
2002

**KESAN PEMBERIAN MAKANAN TERHADAP TUMBESARAN DAN  
KEMANDIRIAN LARVA DAN JUVENIL IKAN BAUNG (Triploid)**

*Mystus nemurus* (C. & V.)

Oleh

**WAN NORAINI BINTI ABDUL RAHMAN**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan  
Ijazah Bacelor Sains Perikanan

**FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU**

**2002**

Laporan projek ini hendaklah dirujuk sebagai:

Noraini. W. A. R. 2001/2002. Kesan pemberian makanan terhadap tumbesaran dan kemandirian larva dan juvenil ikan baung (triploid) *Mystus nemurus* (C.&V.). Laporan Projek, Bacelor Sains (Perikanan), Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Putra Malaysia Terengganu. 57 p

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dan kandungan laporan ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis atau Penyelia Utama penulis tersebut.

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga akhirnya saya menyiapkan projek tahun akhir ini. Walaupun pada awalnya terdapat pelbagai rintangan dan dugaan yang terpaksa saya tempuhi.

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kedua ibu bapa saya En.Abdul Rahman dan Pn. Normah serta adik-adik saya Joy dan Ain yang telah banyak memberi dorongan dan semangat serta memahami saya. Terima kasih mak abah insyaAllah anakmu akan berusaha sehingga berjaya. Ucapan terima kasih juga kepada Dr. Anuar yang telah memberi tujuk ajar. Rakan-rakan serumah r-fa, wata dan reena serta tak lupa jugak pada dilla, farah, mc nie, ina, c'ly, eda dan miyah yang selalu membantu dalam menyiapkan projek ini, terima kasih bebanyak, jasmu tetap dikenang.

Kepada staf-staf lab yang terpaksa bersusah payah menolong saya dan kepada sesiapa sahaja yang terlibat terima kasih semua, maaf kiranya nama kalian tidak tercatat bukan terlupa tapi tak ingat.

Salam sayang buat semua

An|e2002

## ABSTRAK

Kajian telah dijalankan untuk menentukan kesan pemberian makanan iaitu hati ayam, pellet, ikan baja, telur dan Artemia (kawalan) ke atas kadar tumbesaran dan kemandirian larva dan juvenil ikan baung (triploid) *Mytus nemurus* (C. & V.). Larva ditenak selama tujuh minggu didalam akuarium plastik yang bersaiz 25cm x 14cm x 13cm dengan kadar pelepasan 9 ekor/liter. Kajian telah dilakukan sebanyak tiga replikasi. Kajian telah menunjukkan larva yang diberi makan diet hati ayam menunjukkan min panjang keseluruhan dan min berat basah yang tinggi iaitu masing-masing 34.9 mm  $\pm$  0.12 dan 0.146 g  $\pm$  0.003 . Ini diikuti oleh larva yang diberi makan diet telur iaitu 31.4 mm  $\pm$  0.4 bagi min panjang keseluruhan dan 0.140 g  $\pm$  0.002 bagi min berat basah. Manakala min panjang keseluruhan bagi larva yang diberi pellet ialah 29.3 mm  $\pm$  0.23 dan min berat basahnya ialah 0.123 g  $\pm$  0.004. Jumlah pertambahan min panjang dan pertambahan min berat basah yang terkecil ialah ikan baja iaitu 24.6 mm  $\pm$  0.2 dan 0.111g  $\pm$  0.003. Namun begitu, Artemia (kawalan) telah menunjukkan nilai tumbesaran yang terbaik iaitu 46.3 mm  $\pm$  0.12 bagi min panjang dan 0.214 g  $\pm$  0.004 bagi min berat jika dibandingkan dengan diet-diet yang lain. Kadar kemandirian bagi hati ayam, telur, pellet dan ikan baja masing-masing ialah 80%, 65%, 51% dan 30%. Walau bagaimanapun Artemia (kawalan) tetap menunjukkan peratus kemandirian yang tinggi iaitu 91%. Terdapat perbezaan bererti bagi kelima-lima diet yang digunakan, dimana  $p < 0.05$ .

## ABSTRACT

This study was carried out to determine the effect of diet i.e chicken liver, pellet, trash fish, egg and Artemia (control) on growth and survival rate of green catfish (triploid) *Mystus nemurus* ( C. & V.). Larvae were reared for 7 weeks in plastic aquarium measuring 25cm x 14cm x 13cm with stocking density of 9 larvae/litre. Three replications were done. The result showed that, larvae fed on chicken liver gave the highest mean total length and mean wet weight, 34.9 mm  $\pm$  0.12 and 0.146 g  $\pm$  0.003, respectively. It was followed by larvae fed with egg with the mean total length of 31.4 mm  $\pm$  0.4 and mean wet weight of 0.140 g  $\pm$  0.002. While larvae fed with pellet gave the mean total length of 29.3 mm  $\pm$  0.23 and mean wet weight of 0.123 g  $\pm$  0.004. The larvae fed with trash fish showed the lowest mean total length, 24.6 mm  $\pm$  0.2 and lowest mean wet weight, 0.111g  $\pm$  0.003 . However, Artemia (control) gave the best growth which is 46.3 mm  $\pm$  0.12 for the mean total length and 0.124g  $\pm$  0.004 for the mean wet weight. Survival rate for chicken liver, egg, pellet and trash fish is 80%, 65%, 51% and 30%, respectively. However, Artemia (control) still showed the highest percentage of survival which is 91%. There was a significant difference among five diets used, where  $p < 0.05$ .